No Perakuan : JBPM.IP.RNP:700-7/2/1/25-404
(BAHARU)

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

SIJIL PEPASANGAN KESELAMATAN KEBAKARAN

Sistem Dinding / Wall System
BS 476: Part 22 Method for Determination of the Fire Resistance of Non-loadbearing Elements of Construction

Dengan ini diperakui
ALAM-CON SDN BHD
(A7)

Beroperasi di
PT.9125, TAMAN PERINDUSTRIAN TUNGZEN, KAMPUNG KEPAYANG, 31300 IPOH, PERAK.
31300 IPOH, PERAK

TELAH BERDAFTAR
TEMPOH SAH PERAKUAN : **06/12/2024 HINGGA 05/12/2026**

t.t

.....
Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

**Peringatan:
Sila patuhi sepenuhnya syarat-syarat dan had kegunaan seperti dalam Lampiran A1

(Sijil ini adalah cetakan berkomputer dan tidak memerlukan tandatangan)

LAMPIRAN A1

No. Fail: **JBPM.IP.RNP:700-7/2/1/25-404**
No. Siri: **2024/S37/38/WS**

Jenis Alat Kelengkapan	:	**SISTEM DINDING / WALL SYSTEM**
Jenama & Spesifikasi	:	**Brand: ACON** **Model: A7** **Type: AUTOCLAVED AERATED CONCRETE (AAC)**
Fire Resistance Test	:	**Integriti: 240** **Insulation: 240** **Typical of Material: CONSTRUCTION MATERIALS -WALL** **Density: 741KG/M3** **Thickness: 600MM (L) X 200MM (H) X 100MM (W)** **Others:**
Nama & Alamat Pengeluar	:	**ALAM-CON SDN BHD**
No. Laporan Ujian/Tarikh	:	**2024FE0491 29/07/2024**
Jenis Skim Pensijilan Barangan	:	**TIADA**
No. Skim Pensijilan Barangan	:	**TIADA**
Tempoh Sah Laku	:	**TIADA**
Ulasan Pegawai Proses	:	**WALL SYSTEM (AAC) 4 JAM**
Ulasan Mesyuarat	:	**LULUS WALL SYSTEM (AAC) TKA 4 JAM**
Had Kegunaan	:	**PEMASANGAN HENDAKLAH MEMATUHI SPESIFIKASI SEPERTIMANA DALAM LAPORAN UJIAN DAN UBBL 1984 SERTA PERLU MEMATUHI SYARAT-SYARAT TAMBAHAN SEPERTI DI LAMPIRAN A2 & A3.**

Tempoh sah perakuan: **06/12/2024 hingga 05/12/2026**

LAMPIRAN A2

SISTEM/ALAT KELENGKAPAN/BAHAN BINAAN/PINTU RINTANGAN API

Perakuan ini tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

1. Sijil Perakuan ini tidak boleh dipindah milik tanpa kebenaran Jabatan ini.

2. ***Sistem/Alat Kelengkapan/Bahan Binaan/Pintu Rintangan Api** yang dikeluarkan hendaklah menepati spesifikasi sample dan seperti di dalam laporan ujian.

3. Sebarang perubahan/tambahan daripada spesifikasi komponen yang asal hanya boleh dilakukan dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.

4. Dalam hal-hal tertentu pengeluaran dan mutu **Sistem/Alat Kelengkapan/Bahan Binaan/Pintu Rintangan Api** hendaklah menepati syarat-syarat yang ditetapkan oleh SIRIM atau Skim Kawalan Mutu yang diiktiraf oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.

5. Apabila terdapat pindaan atau pembaharuan pada syarat/piawai, pengeluar/pengedar akan diberi tempoh masa yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia untuk meminda atau mengubah spesifikasi asal **Sistem/Alat Kelengkapan/Bahan Binaan/Pintu Rintangan Api** mengikut syarat-syarat piawaian yang baru tersebut.

6. Semua **Sistem/Alat Kelengkapan/Bahan Binaan/Pintu Rintangan Api** perlu mempunyai nama pengeluar, nombor siri, tarikh dikeluarkan dan tanda ‘SIRIM’ atau lain-lain tanda skim diiktiraf oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia (jika berkaitan).

7. Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia adalah berhak untuk memilih mana-mana sample **Sistem/Alat Kelengkapan/Bahan Binaan/Pintu Rintangan Api** yang telah dikeluarkan ATAU dipasang untuk dikaji dan jika perlu diuji semula. Sebarang kos perbelanjaan adalah ditanggung oleh pengeluar.

8. Pengeluar/Pengedar hendaklah mengemukakan salinan sah surat perakuan ini bagi penggunaan pengedaran **Sistem/Alat Kelengkapan/Bahan Binaan/Pintu Rintangan Api** yang berkenaan kepada Jabatan ini.

9. Pengeluar/Pengedar **Sistem/Alat Kelengkapan/Bahan Binaan/Pintu Rintangan Api** hendaklah mengemukakan surat pengesahan Lampiran C1/C2* ke Jabatan ini (kepada Pengarah Negeri dan salinan ke Ibu Pejabat JBPM) bahawa ia telah melaksanakan pengawasan/pemasangan/perbekalan* seperti piawaian yang disahkan oleh SIRIM dan Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.

10. Arkitek atau Jurutera Perunding Bertauliah hendaklah memastikan dan mengawasi semua kerja-kerja pemasangan yang dilakukan oleh kontraktor/pemasangan dan mengesahkannya dengan menghantar surat pengesahan Lampiran C3 ke Jabatan ini (Bahagian Keselamatan Kebakaran) sebelum atau semasa pemeriksaan bangunan.

11. Pemasangan **Sistem/Alat Kelengkapan/Bahan Binaan/Pintu Rintangan Api** hendaklah disahkan oleh pengeluat atau Jurutera Bertauliah/Arkitek bahawa telah mematuhi spesifikasi pengeluar atau kod-kod yang diiktiraf.

12. Jika terdapat apa-apa kejadian atau laporan munasabah yang menunjukkan kegagalan prestasi kepada **Sistem/Alat Kelengkapan/Bahan Binaan/Pintu Rintangan Api** atau tidak mematuhi syarat-syarat yang terkandung dalam Unifrom Building By-Law (UBBL 1984) serta Arahan Jabatan hendaklah segera dilaporkan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia. Jabatan berhak menarik balik Sijil Perakuan dengan notis atau tanpa notis.

13. Pegawai Bomba juga boleh membuat pemeriksaan mengejut (random inspection/checking) ke atas kilang pembuat atau pepasangan untuk menentukan tiada penyelewengan dari segi mutu dan spesifikasi **Sistem/Alat Kelengkapan/Bahan Binaan/Pintu Rintangan Api.**

14. Surat perakuan ini, keseluruhan ATAU sebahagian daripadanya adalah tidak boleh diterbitkan ATAU digunakan untuk apa-apa tujuan promosi ATAU pengiklanan sama ada pada media cetak ATAU pada mana-mana tempat dengan apa-apa cara sekalipun tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.

LAMPIRAN A3

PEMBAHARUAN SIJIL PERAKUAN

1. Untuk permohonan memperbaharui sesuatu Sijil Perakuan/Kelulusan Jabatan, permohonan tersebut hendaklah disampaikan ke pejabat ini **sebulan** sebelum tarikh perakuan ini tamat:-

   - Permohonan bertulis bagi setiap sijil kelulusan bahan.

   - Salinan Laporan Ujian terbaru dari SIRIM atau mana-mana makmal yang diiktiraf jika berkaitan. *Mana-mana laporan ujian daripada luar negara hendaklah disahkan melalui Borang Akuan Berkanun (Am 80) dihadapan Pesuruhjaya Sumpah Tempatan (Comissioner for Oath)*

   - Salinan Sijil barangan SIRIM/Badan Persijilan Luar Negara (semak kesahan sijil) bagi produk kawalan. *Sijil hendaklah disahkan melalui Borang Akuan Berkanun (Am 08) dihadapan Pesuruhjaya Sumpah Tempatan (Commissioner for Oath)*

   - Salinan Sijil Perakuan/Kelulusan terdahulu termasuk Lampiran A1.

   - Senarai Lengkap projek sepanjang tempoh 'validity' kelulusan tersebut.

   - Mengadakan kemudahan pemeriksaan bagi penilaian semula **Sistem/Alat Kelengkapan/Bahan Binaan/Pintu Rintangan Api** sekiranya diperlukan.

2. Kegagalan tuan mematuhi perkara di atas akan mengakibatkan Sijil tidak akan diproses dan diperbaharui.

3. Adalah menjadi kesalahan jika semua perkara di atas dilanggari dan Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia berhak menarik balik surat perakuan ini sebelum tamat tempohnya.

4. Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan pembaharuan perlu disertakan dengan no. fail seperti JBPM/IP/RNP:700-7/2/Kod Bahan – No. Pendaftaran Bahan yang terdapat di penjuru atas kanan Sijil Perakuan Bahan.